



"ISLAM ASAS KESATUAN UMMAH".1

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ : اِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ اِخْوَةٌ فَاَصْلِحُوا بَيْنَ اَخْوِيكُمْ وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١﴾	2
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ	3
. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللّٰهَ، اُوْصِيْكُمْ وَاِتْيَايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ.	4
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat menghayati khutbah yang bertajuk "ISLAM ASAS KESATUAN UMMAH."	6




<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Realiti umat Islam zaman ini sedang menghadapi ujian dan fitnah perpecahan yang besar di seluruh dunia. Permusuhan sesama umat Islam merupakan musibah yang besar yang belum ada kesudahannya sejak jatuhnya Khilafah Islam Turki Uthmaniah pada 3 Mac 1924. Semenjak daripada tarikh itu, umat Islam semakin lemah dan jauh daripada Islam walaupun jumlah mereka ramai. Musibah yang berlaku hari ini telah diperingatkan oleh Nabi SAW di dalam sebuah hadis daripada Thauban Radhiallahu Anhu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p>	7
<p><i>“Hampir tiba suatu zaman di mana bangsa-bangsa di seluruh dunia akan datang mengerumuni talam hidangan mereka. Maka salah seorang sahabat bertanya “Adakah kerana jumlah kami sedikit pada hari itu, Ya Rasulullah?”. Nabi SAW menjawab, “Tidak. Bahkan kamu pada waktu itu ramai, tetapi kamu umpama buih di waktu banjir, dan Allah akan mencabut rasa gerun terhadap kamu dari hati-hati musuh-musuh kamu, dan Allah akan mencampakkan ke dalam hati kamu penyakit wahan. Seorang sahabat bertanya, “Apakah wahan itu Ya Rasulullah?” Nabi SAW menjawab, cinta pada dunia dan takut pada mati”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud)</i></p>	8



<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Rasulullah SAW mengambil perhatian yang amat serius terhadap kesatuan umat Islam dengan melaksanakan beberapa tindakan penting. Di antaranya ialah :</p> <p>1. Nabi berulang-kali menekankan pengukuhan keimanan kaum muslimin sebagai asas kesatuan. Penekanan ini dapat kita lihat dengan banyaknya ayat-ayat Al-Quran yang memerintahkan umat Islam supaya hidup bersatu-padu dan mengutamakan persaudaraan sebagaimana firman Allah SWT yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi,</p>	9
<p>ayat 10 surah al-Hujuraat yang bermaksud:</p> <p><i>“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”</i></p>	10
<p>Nabi SAW dan para sahabat Radhiallahu Anhum mempereratkan ukhuwah Islamiah yang bertunjangkan akidah serta keimanan dengan menyuburkan akhlak mulia dan kasih sayang. Contohnya Saiyidina Bilal bin Rabah dari bangsa Habsyah, Sayidina Abu Bakar Al-Siddiq dari bangsa Arab Quraisy dan Salman Al-Farisi dari bangsa Parsi disatukan atas dasar aqidah Islam yang kukuh dalam jiwa mereka.</p>	11



<p>2. Nabi SAW dan para sahabat sentiasa bersegera memadamkan anasir-anasir yang boleh membawa perpecahan umat dengan mendamaikan pihak yang bertelingkah. Ini kerana, perselisihan yang tidak dicegah segera akan mengundang musibah perpecahan dan permusuhan dalam kalangan umat Islam.</p>	12
<p>Allah SWT mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam Surah Al-Anfal, ayat 46:</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ</p> <p style="text-align: right;"> الصَّابِرِينَ</p>	13
<p><i>“Dan Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.”</i></p>	14
<p>Di samping itu Nabi sentiasa memaafkan segala kesalahan sesama manusia dan tidak menyimpan dendam. Sebagai contoh, dalam peristiwa Pembukaan Kota Makkah, Nabi SAW memaafkan segala kesalahan penduduk Makkah yang pernah menindas dan menyakiti baginda dan para sahabat. Sikap Nabi SAW yang mulia ini telah menundukkan kesombongan orang-orang kafir Quraisy hingga mengubah hati mereka untuk menerima dan memeluk Islam secara beramai-ramai.</p>	15



<p>3. Nabi mengukuhkan kesatuan umat Islam dengan meletakkan perpaduan umat Islam bersama dengan bangsa-bangsa yang wujud di Madinah sebagai tunjang terpenting dalam Piagam Madinah. Dalam beberapa fasal Piagam Madinah menyatakan: Bahawa penduduk Madinah samada orang Islam atau bukan Islam adalah satu ummah, menerima Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin Negara Madinah dan Wahyu Allah (Al-Quran) sebagai sumber rujukan.</p>	16
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bagi merealisasikan penyatuan Umat Islam hari ini dengan berdasarkan pedoman Rasulullah SAW yang disebutkan tadi, maka segala bentuk api kebencian perlu dipadamkan dengan segera agar tidak terus merebak. Setiap individu muslim perlu berazam ke arah penyatuan ummah dengan berusaha untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Hasrat ini kita mampu laksanakan dengan cara mengimarahkan masjid dan surau. Selain itu kita hendaklah istiqomah dalam menjaga solat berjemaah, mencintai majlis-majlis ilmu dan mengasihi para alim ulama.</p>	17
<p>Begitu juga, umat Islam perlu menghidupkan semangat ithar (mengutamakan saudaranya yang lain) iaitu saling bantu-membantu sesama kaum muslimin seperti membantu dalam menyokong ekonomi umat Islam, membina jaringan sosial dan kebajikan bersama-sama.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	18



<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib kembali kepada perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW dengan menjadikan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai panduan kehidupan.2. Setiap pemimpin mestilah meletakkan agenda penyatuan ummah sebagai keutamaan dengan mengikis segala keegoan dan kepentingan peribadi.3. Umat Islam hendaklah bersama-sama mengimarahkan masjid dan surau dengan menghidupkan solat berjemaah dan menghidupkan majlis ilmu yang merupakan pusat penyatuan ummah dengan bersama-sama menghidupkan solat berjemaah, mencintai majlis ilmu dan menyayangi para alim ulama. <p>Semoga dengan itu kita semua akan beroleh kejayaan didunia dan diakhirat.</p>	19
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ</p>	20
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Muhammad : 7).</i></p>	21



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.	30



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ،



<p>سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تغكو أمير شاه إبنالسُلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	14



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.